

UMS, PPD Kudat anjur program semai kesedaran pentingnya pendidikan

Clarence George Dol DE 13.2.2014 F
KUDAT: Kerjasama baik antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kudat membolehkan Program Retreat Perkongsian Pintar Pendidikan di Kampong Sabur, Pulau Banggi berjaya dilaksanakan.

Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar (UPPLB), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Dr Khalid Johari berkata program disertai 36 orang yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar UMS serta sukarelawan menjadi kumpulan pelaksana bagi program retreat yang julung kali diadakan di Pulau Banggi.

Katanya Program turut disertai Persatuan Warga Prihatin (SUEC) dan Persatuan Wartawan Keningau (KJA) Sabah.

"Program seumpama ini telah diadakan sejak beberapa tahun lalu bertujuan membantu meningkatkan keyakinan diri dan minat pelajar serta komitmen masyarakat setempat akan kepentingan masa depan dan perubahan masyarakat melalui kejayaan dalam pendidikan," katanya.

Lebih 500 masyarakat daripada enam kampung iaitu Sabur, Selangan, Tambising, Tibogo, Laksian dan Palak menyertai pelbagai aktiviti dalam program tiga hari itu, yang antara lain melibatkan sesi seminar motivasi pendidikan, ceramah kerjaya, persembahan kebudayaan, sukan rakyat dan pertandingan masakan tradisi.

Dalam pada itu, seramai 175 orang pelajar tahap dua dari Sekolah Rendah Laksian, SK Palak dan SK Sabur menyertai sesi bengkel mata pelajaran kritikal Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Sempena majlis itu, penduduk kampung kurang berkemampuan menerima sumbangan pakaian terpakai yang disumbangkan orang ramai dari seluruh negeri sebagai tanda keprihatinan dalam meringankan beban golongan kurang bernasib baik.

Berucap di majlis perasmian penutupan program pegawai pendidikan daerah Kudat, Sharif Azad Sharif Attar berkata usaha murni UMS dan siswa serta siswi yang menjadi pelaksana program, memberi impak positif terhadap minda masyarakat dalam memberi kesedaran kepentingan pendidikan anak-anak.

"Kita yakin peranan UMS dalam memacu kecemerlangan pendidikan, khususnya di negeri ini akan menjadi kenyataan apabila semakin ramai pelajar berminat dan berusaha untuk mencapai sasaran bagi peluang melanjutkan pelajaran diperingkat Universiti. Ini amat membanggakan kita, tambahan lagi apabila UMS sendiri turun dengan program yang sangat berfaedah untuk disertai masyarakat setempat seumpama ini," katanya.

Katanya tugas mendidik anak bangsa adalah tanggungjawab yang perlu dipikul bersama bagi memacu lebih pantas pembangunan pendidikan di Sabah, khususnya di sekolah-sekolah pedalaman.

"Saya berharap dan menyarankan agar program seumpama ini dikembangkan ke sekolah-sekolah lain dalam Pulau Banggi yang tidak berkesempatan menyertainya," katanya.

Hadir sama Guru Besar SK Sabur, Tuie Randa; Pegawai SISC, PPD Kudat Azlan Raymond Majumah serta pemimpin masyarakat setempat.